

BERITA HARIAN

DATE: 30/6/2008

'Jangan persoal kontrak sosial, ketuanan Melayu'

BH-30/6/2008

Pak Lah bimbang perbincangan timbulkan permusuhan antara kaum

Oleh Wan Hazmir Bakar,
Mohd Hamizar Hamid
dan Azida Shahrudin

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mengingatkan semua pihak supaya tidak membincangkan atau mempersoalkan kontrak sosial dan ketuanan Melayu bagi mengelak sebarang permusuhan antara kaum yang boleh menjejaskan keamanan dan kemakmuran negara.

Sambil menegaskan perkara itu sudah dipersetujui pemimpin semua kaum ketika pembentukan negara dulu, Perdana Menteri berkata, tindakan seperti itu hanya akan menimbulkan rasa tidak senang orang Melayu dan boleh menjerus kepada perkara tidak baik.

"Saya ingat tak payahlah bincang perkara ini, buat apa nak bincang. Kalau bincang perkara ini akan timbul macam-macam reaksi daripada orang Melayu dan bila jadi begitu maka akan berlaku sesuatu yang tidak baik yang boleh menyebabkan rasa permusuhan dan ini akan membawa kepada keadaan yang mungkin kita tidak suka.

"Saya tak nampak apa ruginya kalau mereka tidak bincang perkara ini. Saya jamin orang Melayu tidak akan suka isu ini dibincangkan, katanya pada sidang media selepas melancarkan Program Bumi Hijau War-

ga Putrajaya di sini.

Beliau diminta mengulas Forum Kontrak Sosial anjuran Majlis Peguam kelmarin yang disertai beberapa ahli panel yang hampir semuanya bukan Melayu.

Kelmarin, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata tindakan Majlis Peguam itu adalah sebahagian daripada usaha untuk menekan dan menghina orang Melayu serta agama Islam.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, pula menyifatkan langkah Majlis Peguam menganjurkan forum berhubung ketuanan Melayu dengan ahli panelnya

“Negara kita sudah aman dan stabil, dan terus meningkat maju serta berjaya sebab tidak ada kumpulan yang mempolitikkan isu ini”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

terdiri daripada bukan Melayu sebagai satu perkembangan yang tidak sihat.

Mengenai tindakan pihak tertentu yang masih mempersoalkan kesihatan kontrak sosial, Abdullah berkata, perjanjian itu sudah dibuat dan difahami generasi terdahulu serta dilaksanakan sebagai dasar kerajaan Perikatan dan Barisan Nasional (BN) sejak negara merdeka 50 tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, dasar itulah yang membuatkan Malaysia menjadi negara yang maju, aman dan makmur selama ini kerana tidak ada kumpulan yang mempolitikkan perkara itu.

"Kontrak sosial sudah dibuat dan kita memahami apa itu kontrak sosial dan apa yang kita laksanakan selama kita merdeka 50 tahun lamanya juga berasaskan kepada perkara yang terkandung dalam kontrak sosial itu.

"Negara kita sudah jadi negara yang aman dan stabil, yang makmur dan terus meningkat maju serta berjaya sebab tidak ada kumpulan yang hendak mempolitikkan isu ini," katanya.

Abdullah berkata, permuafakatan antara kaum memang wujud dalam kerajaan Perikatan dan BN dan semua parti komponen sentiasa saling menasihati dan menegur dalam apa juga perbincangan dan pelaksanaan sesuatu dasar untuk rakyat.

"Saya berani kata semua pemimpin BN amat memahami apakah perkara besar yang dipersetujui bersama pemimpin dulu yang mengasaskan prinsip untuk Perlembagaan yang kita mesti wujudkan dan yang kita mesti ciptakan untuk negara kita yang baru merdeka," katanya.

Sementara itu di **KOTA TINGGI**, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata tindakan Majlis Peguam membincangkan hak istimewa dan kedudukan orang Melayu secara terbuka pada Forum Ketuanan Melayu dan Kontrak Sosial, di ibu negara kelmarin adalah perbuatan menyalahguna kecerdikan masing-masing menerusi hak kebebasan bersuara serta boleh dikenakan tindakan sekiranya ada peserta forum membuat laporan polis.

"Perkara berkaitan hak keistimewaan orang Melayu tidak sepatutnya diperbincangkan kerana ia dianggap sensitif dan mampu menyebabkan perselisihan faham serta pergaduhan," katanya ketika bercakap pada Majlis Anugerah Ibu Cemerlang 2008 di Sekolah Menengah Kebangsaan Lokman Hakim, Felda Lok Heng Timur, di sini, semalam.

Beliau berkata, rakyat sememangnya mempunyai kebebasan bersuara namun isu itu tidak patut dipandang remeh dan diperlekehkan, kerana ia menjerus perkara yang terkandung dalam Akta Hasutan 1948.